

BAB 9

FUNGSI KEAMANAN DALAM PEMINDAHAN ILMU DARI TIMUR KE BARAT

Kamaruzaman Yusoff dan Ateerah Abdul Razak

PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan bagaimana konsep keamanan berfungsi dalam sejarah pemindahan ilmu dari Timur dan Barat. Umum diketahui bahawa keamanan bermaksud sesuatu yang memberi kesejahteraan, ketenangan sama ada kepada jiwa dan harta benda. Bab ini akan mengupas bagaimana nilai ilmu dari Islam yang memberi nilai murni yang boleh diaplikasi dan dijadikan rujukan oleh pihak Barat. Bab ini juga akan meneliti bagaimana teknologi dan bahagian-bahagian ilmu dunia ini berasal daripada tamadun Islam. Sehubungan itu, ia bermatlamatkan memberi manfaat dan keamanan serta ketenangan kepada manusia, maka nilai ilmu tersebut mengalir ke serata dunia hingga kini.

Apabila membincangkan mengenai tamadun, ia merupakan satu proses yang panjang dan tidak bermula satu titik dalam mana-mana perkembangan masyarakat dan tidak berakhir pada titik yang lain. Tetapi pembinaan tamadun adalah satu proses berterusan yang memerlukan beberapa sifat tertentu seperti adanya hubungan antara tamadun-tamadun berkenaan.

Seterusnya, terdapat unsur-unsur saling meminjam dan adanya proses asimilasi, integrasi ataupun proses yang lain sehingga tamadun yang terakhir biasanya akan mendapat manfaat daripada keseluruhan tamadun-tamadun awal. Dalam konteks pembinaan tamadun Islam secara khusus, ia merupakan suatu jambatan keamanan yang menghubungkan di antara keseluruhan tamadun. Sebagai contoh, di Timur dan juga sebahagian daripada Eropah pada suatu masa dahulu disebut sebagai Tamadun Greco